KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

# KERATAN AKHBAR
# 5 MAC 2017

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

# ISU : RISIKO MENYEBERANG LANDASAN KERETA API

| Bil | Tarikh/ Hari | Akhbar & Tajuk Berita | Ruang/ Muka Surat | Pihak Terlibat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 05.03.2017<br>Ahad | **MINGGUAN MALAYSIA**<br>NIOSH nasihat rakyat Malaysia jangan malas | Dalam Negeri<br>18 | NIOSH |

## NIOSH nasihat rakyat Malaysia jangan malas

**KUALA LUMPUR 4 Mac** – Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (NIOSH) menasihati rakyat Malaysia supaya tidak bersifat malas serta tidak menggunakan jalan pintas ketika menyeberang landasan kereta api.

Pengerusinya, Tan Sri Lee Lam Thye menegaskan, sifat malas kerana tidak mahu menyusahkan diri perlu dielakkan kerana ia boleh menjejaskan dan mungkin membunuh seseorang.

"Sehubungan itu, saya mencadangkan agar pihak pengusaha dan syarikat pengendali memasang lebih banyak papan tanda untuk memberi amaran kepada orang ramai mengenai risiko menyeberang landasan kereta api," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.



LEE LAM THYE

Kelmarin, dua beradik berusia 36 dan 40 tahun maut selepas tercampak sejauh kira-kira tiga meter selepas dilanggar tren komuter berhampiran jejantas berdekatan Stesen Komuter Padang Jawa, Shah Alam, dekat sini.

Pada masa sama, Lam Thye meminta supaya penguatkuasaan dilaksanakan secara berkala untuk mendisiplinkan orang ramai terutamanya mereka yang suka memperjudikan nyawa dengan menyeberangi landasan kereta api.

"Kecenderungan melintas landasan kereta api boleh menyebabkan kematian. Penduduk perlu menghargai nyawa mereka dan juga orang tersayang dengan menggunakan jejantas yang dibina oleh pihak berkuasa," ujarnya.

# ISU : BURUH PAKSA

| Bil | Tarikh/ Hari | Akhbar & Tajuk Berita | Ruang/ Muka Surat | Pihak Terlibat |
|---|---|---|---|---|
| 1. | 05.03.2017 Ahad | **NEW SUNDAY TIMES** Estate workers at mercy of owners | Letters 24 | C.Sathasivam Sitheravellu |

HUMAN TRAFFICKING

## ESTATE WORKERS AT MERCY OF OWNERS

IT is heart-wrenching to learn that 18 victims, including seven children, who were rescued from a couple at an oil palm plantation in Pengkalan Hulu, Perak, have been placed at four shelter homes under the Interim Protection Order.

The victims included five men and six women aged between 27 and 64, and three boys and four girls aged between 2 and 17.

All are Malaysians.

What happened in Pengkalan Hulu could be the tip of the iceberg.

The authorities are investigating the matter under Sections 13 and 14 of the Anti-Trafficking in Persons and Anti-Smuggling of Migrants Act 2007.

Malaysia does not practise slavery nor does it support exploitation of forced labour.

Any inhumane acts by perpetrators are liable to heavy punishments upon conviction, including jail sentences and fines.

However, this opens a new can of worms.

Those who work in tea, rubber and oil palm plantations often find themselves at the mercy of the owners.

There have been cases where illiterate workers found themselves working long hours.

Those in a financial bind also get into bigger mess when they seek help from moneylenders who charge them exorbitant interest rates, deducted from their salaries.

The authorities must conduct random checks on plantations to nab those who are guilty of such corrupt practices.

**C. SATHASIVAM SITHERAVELLU,**
Seremban, Negri Sembilan